

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: STML - Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Sent: Wednesday, April 5, 2017 4:27 PM
To: UUM - All Staff
Subject: STML FRESHMAN INDUCTION DAY 2017



Assalamualaikum & Salam Sejahtera

05 Apr 2016 / 08 Rejab 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

STML FRESHMAN INDUCTION DAY: BANTU 170 PELAJAR BAHARU STML MERANGKA STRATEGI MENJADI MAHASISWA UUM BERJAYA



STML ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) telah menerima 170 pelajar baharu bagi kemasukan sesi A161 dan A162. Pelajar-pelajar tersebut mendaftar di STML bagi mengikuti tiga program utama iaitu Pengurusan Operasi, Pengurusan Teknologi dan Logistik dan Pengangkutan.

Bagi meraikan kehadiran pelajar baharu ke STML, Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni (JKPPA) STML telah menganjurkan program STML *Freshman Induction Day* pada 28 Februari 2017 bertempat di Dewan Seminar C STML. Pelbagai pengisian yang bermanfaat telah diatur dalam

program ini bagi membantu pelajar-pelajar baharu STML agar dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan baru sebagai mahasiswa universiti.

Program yang telah dirasmikan oleh Dekan STML Prof. Dr. Shahimi Mohtar diadakan khusus untuk memberi dorongan, motivasi dan pencerahan kepada pelajar-pelajar yang baru memulakan pengajian di Universiti Utara Malaysia. Secara amnya, program ini bertujuan untuk merapatkan jurang di antara para pensyarah dan pelajar, serta memberi pendedahan awal tentang perubahan sikap yang baik serta teknik '*survival*' dengan cemerlang dalam pengajian peringkat sarjana muda. Dr. Emy Ezura A. Jalil dan Dr. Rohaizah Saad masing-masing pensyarah STML telah dijemput selaku perunding motivasi.

Unit Alumni STML diketuai Dr. Rohani Abdullah turut berjaya menampilkan ALUMNI STML Encik Ahmad Sahbudin Che Mat dalam program ini. Encik Ahmad Sahbudin merupakan Chief Executive Officer (CEO) Cenfotec Sdn Bhd telah berkongsi pengalaman kejayaan sebagai pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum dan kerjaya. Sebagai pengamal industri beliau turut memberi pendedahan berkenaan aspek *soft* dan *hard skills* yang diperlukan untuk berjaya dalam pengajian dan kerjaya.

Program ini telah dijayakan dengan sempurna oleh AJK JKPPA Dr. Noor Hidayah Abu, Dr. Zakirah Othman, Dr. Rohani Abdullah, Dr. Rohaizah Saad, Dr. Suhaila Abdul Hanan. Program ini dibantu dengan sokongan penuh penasihat persatuan di STML Dr. Siti Norhasmaedayu Mohd Zamani, Dr. Emy Ezura A. Jalil dan Dr. Fadhilah Zahari bersama Presiden dan AJK-AJK dari tiga persatuan.

Sekian.



Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Malaysia
Website: <http://stmlportal.net/> | Tel: +6049287001 | Fax: +6049287070 | Email: stmlnet@uum.edu.my |



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.